

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November, 1991

ATP203 - PERLAKUAN ORGANISASI

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab LIMA soalan sahaja.

1. Definasikan perlakuan organisasi. Bagaimanakah pengetahuan dalam bidang perlakuan organisasi dapat menjelaskan, meramal dan mempengaruhi perlakuan manusia?

[20 markah]

2. Terangkan secara ringkas penentu utama personaliti. Bagaimanakah konsep 'lokus pengawalan' (locus of control) dan pemusatan diri dalaman/luaran (introversion/extroversion) dapat menerangkan perlakuan individu?

[20 markah]

3. Apakah 'tanggapan'? Mengapakah tanggapan penting? Terangkan faktor-faktor yang mempengaruhi proses pembentukan tanggapan.

[20 markah]

4. Apakah perbezaan sikap di antara pemimpin dan pengurus terhadap matlamat, tugas dan manusia?

Bincangkan secara ringkas 'pendekatan kepimpinan mengikut situasi' yang disyorkan oleh Hersey dan Blanchard.

[20 markah]

5. Apakah peringkat perkembangan kumpulan?

Bincangkan 'peranan' sebagai pembolehubah berkait dengan struktur (role as a structural variable) kumpulan kerja.

[20 markah]

6. Beri komen terhadap pernyataan berikut:

- (a) 'Konflik selalunya boleh meningkatkan kualiti membuat keputusan berkumpulan'.
- (b) 'Kuasa ialah fungsi pergantungan' (power is a function of dependence).
- (c) 'Budaya yang kuat mungkin membebankan'.

[20 markah]

7. Tulis nota ringkas tentang perkara berikut:

- (a) Halangan terhadap komunikasi yang berkesan.
- (b) Cara untuk mengatasi tentangan terhadap perubahan.

[20 markah]